

TARIKH	9 / 12 / 2016	SEKSYEN	
MUKA SURAT	FRONT PAGE	RUANGAN	



JEMAAH yang mengerjakan haji dan umrah kali kedua dikenakan bayaran RM2,363 bermula 2 Oktober 2016.



Arab Saudi nafi batal caj visa haji dan umrah

ARAB Saudi mengesahkan tiada sebarang dekri atau titah diraja yang dikeluarkan Penjaga Dua Masjid Suci, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud (gambar kecil) mengenai pembatalan kadar baharu visa untuk jemaah haji dan umrah seperti yang tersebar dalam media tempatan dan antarabangsa baru-baru ini.

Menurut Wisma Putra, perkara itu dimaklumkan selepas Kedutaan Besar Malaysia di Riyadh membuat semakan dengan Kementerian Luar Arab Saudi.

Mengikut kadar baharu visa yang berkuat kuasa 2 Oktober lalu, jemaah yang menunaikan ibadat haji dan umrah kali kedua akan dikenakan bayaran 2,000 riyal (RM2,363) berbanding RM200 hingga RM250 sebelum ini.

» LAPORAN DI MUKA 3

TARIKH	9 / 12 / 2016	SEKSYEN	NEGERA
MUKA SURAT	3	RUANGAN	

Raja Salman tidak pernah keluar titah diraja pembatalan caj umrah, haji Arab Saudi nafi batal caj visa

PUTRAJAYA – Arab Saudi menegaskan tiada sebarang titah diraja yang dikeluarkan Penjaga Dua Masjid Suci, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud mengenai pembatalan kadar baharu visa untuk jemaah haji dan umrah seperti yang tersebar dalam media tempatan serta antarabangsa baru-baru ini.

Menurut Wisma Putra, Kedutaan Besar Malaysia di Riyadh telah menyemak perkara itu dengan Kementerian Luar Arab Saudi dan sehingga 6 Disember, tiada sebarang dekrit atau titah diraja dikeluarkan Raja Salman berhubung perkara tersebut.

Katanya, Kedutaan Besar Arab Saudi di Kuala Lumpur juga memaklumkan bahawa tiada arahan terkini yang dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi yang merujuk kepada pembatalan kadar baharu visa negara itu yang berkuat kuasa pada 1 Muharam 1437H iaitu bersamaan 2 Oktober 2016.

"Oleh yang demikian, pihak media dan orang ramai dipohon agar tidak mudah percaya kepada maklumat yang belum disahkan kebenarannya bagi mengelakkan sebarang kekeliruan," kata Kementerian



LEBIH 200,000 rakyat Malaysia mengerjakan umrah di Tanah Suci setiap tahun.

Luar dalam satu kenyataan di sini semalam. Tambah Wisma Putra, sebarang perubahan (sekiranya ada) hanya akan diumumkan oleh Kerajaan Arab Saudi melalui kedutaan dan rangkaian media rasmi kerajaan negara itu.

Kenaikan kadar visa Arab Saudi yang diumumkan sebelum ini telah dikuatku-

sakan ke atas semua negara tanpa pengecualian.

Perubahan utama dalam struktur kadar visa baharu tersebut termasuk kemasukan pertama bagi jemaah haji dan umrah adalah percuma tetapi bagi kemasukan kedua dan seterusnya akan dikenakan bayaran 2,000 riyal (RM2,363). – Bernama

INFO Kadar bayaran visa

Struktur baharu bayaran visa ke Arab Saudi yang diumumkan pada Ogos lalu

- Jemaah umrah, haji kali pertama percuma
- Jemaah umrah, haji kali kedua dan seterusnya 2,000 riyal (RM2,363)
- Kemasukan berulang bagi tempoh enam bulan 3,000 riyal (RM3,545)
- Transit 300 riyal (RM378)

Bayaran lama visa ke Arab Saudi

- Jemaah umrah, haji kali pertama percuma
- Jemaah umrah, haji kali kedua dan seterusnya hanya perlu membayar caj pengurusan syarikat antara RM200 ke RM250
- Kemasukan berulang bagi tempoh enam bulan RM500
- Transit percuma

Jumlah jemaah haji Malaysia 2016

- 22,320 jemaah

Jumlah jemaah umrah Malaysia 2016

- Lebih 200,000 jemaah